Mohammad Hafez bin Mohd Azmi lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO 42S(A)-07 TAHUN 2011
SAMSUDIN HASSAN PK
24 OKTOBER 2012

Undang-Undang Jenayah — Rasuah — Menerima Suapan — s 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta') — Rayuan daripada mahkamah sesyen — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada hakim sesyen terkhilaf dalam menjatuhkan hukuman dan sabitan — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie — Sama ada terdapat keraguan munasabah — Sama ada anggapan di bawah s 50(1) Akta dapat disangkal

Perayu telah dituduh di bawah s 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta') bagi kesalahan menerima rasuah. Di akhir kes pendakwaan, hakim mahkamah sesyen telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie dan memerintahkan perayu membela diri. Hakim mahkamah sesyen telah mensabitkan perayu atas pertuduhan dan menjatuhkan hukuman dua tahun penjara dan denda sebanyak RM10,000 di bawah s 24 Akta. Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman bagi pertuduhan tersebut. Dalam rayuan ini, isu-isu yang ditimbulkan di hadapan mahkamah adalah: (i) sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie; (ii) sama ada tindakan-tindakan Pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM') telah mendorong dan mempengaruhi perayu untuk melakukan satu kesalahan yang bertentangan dengan undang-undang; (iii) sama ada perayu menerima wang suapan daripada pegawai SPRM; (iv) sama ada perayu mengendorskan atau melanjutkan visa lima paspot warganegara Bangladesh; (v) sama ada perayu melibatkan pemutihan atau penghantaran pulang warganegara asing yang telah menetap di Malaysia lebih waktu; (vi) sama ada perayu ada menyimpan paspot; (vii) sama ada SP7 dan lain-lain pegawai SPRM adalah 'accomplice'; (viii) sama ada laporan (P10) yang dibuat oleh SP7 meragukan; (ix) sama ada rakaman tape dibuat tanpa pengetahuan perayu adalah sebahagian daripada bukti perangkap haram; dan (x) sama ada perayu telah diprejudiskan oleh penerimaan masuk paspot Czech.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan sabitan dan hukuman mahkamah bawahan:

(1) Hakim mahkamah sesyen adalah betul apabila beliau menyatakan di akhir kes pendakwaan bahawa satu kes prima facie berjaya dibuktikan.

Bagi kes di bawah s 17(a) Akta, pihak pendakwaan perlu membuktikan inti pati kesalahan. Pada keseluruhannya, mahkamah akur sama ada pendakwaan bergantung pada peruntukan anggapan di bawah s 50(1) Akta ataupun keterangan langsung, maka apa yang jelas terdapatnya bukti-bukti yang kredibel (lihat perenggan 14–15).

(2) Tiada sebarang peruntukan dalam Akta yang melarang operasi *undercover* yang dijalankan oleh pegawai-pegawai SPRM seperti mana yang dilakukan oleh SP7 dalam kes ini. Seksyen 52(1) Akta memperuntukkan bahawa seseorang saksi yang terlibat dalam sesuatu kesalahan (ejen provokasi) di bawah Akta tidak boleh dikategorikan sebagai seorang rakan sejenayah dan saksi begitu bukannya *unworthy of credit* dan keterangan mereka ini tidak memerlukan apa-apa sokongan (*Raman a/l Mariappen v Public Prosecutor* [2008] MLJU 964 dirujuk) (lihat perenggan 16).

(3) Mengenai wang perangkap RM2,000 tidak dijumpai pada badan perayu, undang-undang tidak memerlukan wang suapan mesti dijumpai dengan seorang tertuduh. Apa yang perlu dibuktikan ialah sama ada tertuduh telah menerima suapan (*Yassin bin Bachik lwn Pendakwa Raya* [1994] MLJU 134 dirujuk) (lihat perenggan 18).

(4) Mengikut s 19 Akta, tidak memerlukan pihak pendakwaan membuktikan bahawa perayu telah sebenarnya membuat 'endorsement' pada paspot atau melanjutkan tempoh visa untuk 5 warganegara Bangladesh (lihat perenggan 21).

(5) Pembelaan perayu merupakan satu rekaan dan bersifat *afterthought* kerana pihak pembelaan tidak pernah mencadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan khususnya SP7 dan SP8 bahawa perayu dan SD3 tidak pernah menerima wang sebanyak RM2,000 tersebut daripada SP7 dan bahawa SD3 yang akan membantu SP7 melalui proses pemutihan (lihat perenggan 23(d)).

(6) Sama ada paspot-paspot tersebut disimpan oleh SD3 atau perayu adalah tidak penting kerana yang perlu ditumpukan di sini ialah wang RM2,000 telah diterima oleh perayu (lihat perenggan 26).

(7) Laporan ('P10') adalah mengelirukan teramat sangat kerana berdasarkan keterangan SP7 sendiri, beliau menyatakan dalam tempoh 19 November 2009 hingga 24 November 2009 tidak pernah keluar dari Johor Bahru. Penghujahan perayu adalah meleset dan lari jauh daripada kenyataan yang sebenar (lihat perenggan 29).

(8) Alasan perayu amat tidak munasabah jika sesuatu yang mahu dirakam mesti mendapat sokongan kebenaran daripada perayu terlebih dahulu. Jika begini kehendak undang-undang, maka benarlah tidak akan ada satu rakaman pun boleh dikemukakan kerana perayu sudah tahu dia sedang

diintip. Kalau ini berlaku, ianya bukan lagi intipan tapi sebaliknya lakonan semata-mata. Penghujahan perayu kononnya rakaman tape tersebut mempunyai *prejudicial value* melebihi *probative value* adalah tidak bermerit kerana peruntukkan s 52 Akta ada secara jelasnya membenarkan *any statement, whether oral or written, made to an agent provocateur by such person shall be admissible as evidence at his trial* (lihat perenggan 30 & 32).

(9) Hakim mahkamah sesyen langsung tidak menyentuh isu kemasukan paspot Czech. Jadi ini bukanlah isu yang sepatutnya dibangkitkan oleh perayu dalam petisyen rayuan (lihat perenggan 34).

(10) Penjelasan perayu, SD2 dan SD3 gagal mematahkan atau menyangkal anggapan di bawah s 50(1) Akta dan sekali gus gagal mendatangkan keraguan yang munasabah kepada keseluruhan kes pendakwaan. Mahkamah akur dengan alasan dan keputusan hakim mahkamah sesyen dalam kes ini. Hakim mahkamah sesyen tidak khilaf dalam menjatuhkan hukuman penjara dua tahun serta denda RM10,000. Mengambil kira keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh perayu dan faktor mitigasi kesalahan perayu, mahkamah percaya hukuman ini tidaklah *excessive* dan ianya merupakan hukuman yang seimbang dan setimpal (lihat perenggan 35–36).

[English summary

The appellant was charged under s 17(a) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 ('Act') for accepting bribe. At the end of the prosecution's case, the sessions court judge concluded that the prosecution had successfully proven a prima facie case and ordered the appellant to enter his defence. The sessions court judge convicted the appellant on the charge and imposed the sentence of two years imprisonment and RM10,000 fine under s 24 of the Act. The appellant appealed against the conviction and sentence for the charge. In this appeal, the issues raised before the court were: (i) whether the prosecution had successfully established a prima facie case; (ii) whether the actions by the Malaysian Anti Corruption Commission ('MACC') officers led and influence the appellant to commit an offence which was contrary to law; (iii) whether the appellant received gratification from the MACC officer; (iv) whether the appellant endorsed or extended the visa for five passports of Bangladesh citizen; (v) whether the appellant was involved in legalising or deportation of foreign citizen who had overstayed in Malaysia; (vi) whther the appellant possessed with a passport; (vii) whether SP7 and other MACC officers were accomplice; (viii) whether the report ('P10') made by SP7 doubtful; (ix) whether the tape recording made without the appellant's knowledge was part of the proof of illegal trap; and (x) whether the appellant had been prejudiced by the admission of the Czech passport.

Held, dismissing the appeal and affirming the conviction and sentence by the lower court:

(1) The sessions court judge was correct when he stated at the end of the prosecution's case that a prima facie case was established. For a case under s 17(a) of the Act, the prosecution must prove the essence of the offence. In totality, the court agreed that whether the prosecution depended on the provision of the presumption under s 50(1) of the Act or direct evidence, then what was clear was that there was credible proof (see paras 14–15).

(2) There was no provision in the Act that prevented undercover operation done by the MACC officers as was done by SP7 in this case. Section 52(1) of the Act provided that a witness involved in an offence (agent provocateur) under the Act could not be categorised as an accomplice and such witness was not unworthy of credit and their evidence need not be corroborated sokongan (*Raman a/l Mariappen v Public Prosecutor* [2008] MLJU 964 9 referred) (see para 16).

(3) Pertaining to the trap money of RM2,000 that was not found on the appellant's body, the law did not require that the money must be found on the accused. What needed to be proven was whether the accused had received the gratification (*Yassin bin Bachik lwn Pendakwa Raya* [1994] MLJU 134 referred) (see para 18).

(4) Pursuant to s 19 of the Act, it did not require the prosecution to prove that the appellant had in fact made an endorsement on the passport or extended the duration of the visa for the five Bangladesh citizens (see para 21).

(5) The defence of the appellant was invented and an afterthought as the defence had never proposed to any of the prosecution witnesses especially SP7 and SP8 that the appellant and SD3 had never received the money amounting to RM2,000 from SP7 and that SD3 would assist SP7 by the legalisation process (see para 23(d)).

(6) Whether the passports were kept by SD3 or the appellant was not important as what needed to be focused here was that the RM2,000 was received by the appellant (see para 26).

(7) The report ('P10') was very confusing as based on the SP7's own testimony he had stated that during the period between 19 November 2009 and 24 November 2009 he had never left Johor Bahru. The appellant's contention was incorrect and totally derailed from the actual facts (see para 29).

(8) The appellant's grounds were unreasonable that if something were to be recorded it must be with prior approval of the appellant. If this was what the law require, then there would be no recording that could be produced

as the appellant would have known that he was being watched. If this happened then, it was no longer considered spying, but merely acting. The appellant's contention that the tape recording had prejudicial value which outweighed the probative value was without merit as the provision of s 52 of the Act clearly allowed any statement, whether oral or written, made to an agent provocateur by such person shall be admissible as evidence at his trial (see paras 30 & 32).

(9) The sessions court judge did not touch at all the issue of admissibility of the Czech passport. Hence, this was not an issue which ought to be raised by the appellant in the petition of appeal (see para 34).

(10) The explanation by the appellant, SD2 and SD3 failed to rebut or refute the presumption under s 50(1) of the Act and at the same time failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case as a whole. The court agreed with the grounds and the decision of the sessions court judge in this case. The sessions court judge did not err in imposing the sentence of two years imprisonment and the fine of RM10,000. Considering the seriousness of the offence committed by the appellant and the mitigating factor for the appellant's offence, the court believed the sentence was not excessive and it was just and fair (see paras 35–36).]

Nota-nota

Untuk kes menerima suapan, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 144.

Kes-kes yang dirujuk

PP v Gan Ah Bee [1975] 2 MLJ 106; [1975] 1 LNS 128 (dirujuk)
PP v Mohamed Ali [1962] MLJ 257 (dirujuk)
Raman a/l Mariappen v PP [2008] MLJU 964; [2011] 1 CLJ 739, MT (dirujuk)
Shaiful Idzam bin Sulaiman v PP [2004] 2 CLJ 121, MT (dirujuk)
Thavanathan a/l Balasubramaniam v PP [1997] 2 MLJ 401, MA (dirujuk)
Wan Mohd Azman bin Hassan @ Wan Ali v PP [2010] 4 MLJ 141; [2010] 4 CLJ 529, MP (dirujuk)
Yassin bin Bachik lwn Pendakwa Raya [1994] MLJU 134; [1994] 4 CLJ 629, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 114(e), 134
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ss 3, 17(a), 19, 24, 50(1), 52, 52(1)

Badrol Hisham bin Mohd Sani (Zainal & Badrol) bagi pihak perayu.
Abd Ghaffar Abd Latif (Timbalan Pendakwa Raya, Bahagian Perundangan dan Pendakwaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) bagi pihak responden.

Samsudin Hassan PK:

PENDAHULUAN

[1] Perayu telah dituduh di bawah s 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('ASPRM') 2009 yang boleh dihukum di bawah s 24 Akta yang sama.

[2] Di akhir kes pendakwaan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Johor Bahru, Johor telah memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie dan memerintahkan perayu membela diri terhadap pertuduhan.

[3] Perayu telah membela diri dan memberi keterangan bersumpah. Pada 21 Julai 2010 Tuan hakim mahkamah sesyen telah mensabitkan kesalahan di bawah s 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 dan menghukum perayu dengan penjara selama dua tahun dan denda sebanyak RM10,000 di bawah s 24 Akta yang sama.

[4] Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman bagi pertuduhan tersebut.

PERTUDUHAN

[5] Pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 20.11.2009 jam lebih kurang 3.30 petang di dalam sebuah kereta Proton Waja Nombor Pendaftaran WKK 7168 di hadapan sebuah surau, Surau Kampung Tambatan, Jalan Mohd Amin, Johor Bahru, di dalam Negeri Johor, sebagai agen Kerajaan Malaysia, iaitu Pegawai Imigresen Malaysia, Bangunan Sultan Iskandar, telah secara rasuah memperolehi untuk diri kamu suatu suapan iaitu wang tunai RM2,000.00 daripada Mohd Fauzi Bin Mazlan, kononnya sebagai dorongan bagi kamu melakukan satu perbuatan berhubung dengan hal-ehwal prinsipal kamu, iaitu bagi memperolehi pas lawatan social tanpa kehadiran pemilik paspot untuk 5 naskah paspot warganegara Bangladesh bernombor Z0899256, Z0760219, Q0117193, W0276371 dan W0253456, dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

ALASAN RAYUAN

[6] Peguambela bijaksana yang mewakili perayu telah mengemukakan pelbagai alasan dalam petisyen rayuan yang menyokong hujahan bahawa perintah sabitan oleh Tuan hakim mahkamah sesyen patut diketepikan. Antara

alasan utama ialah seperti di bawah berikut:

(a) Tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila memanggil perayu untuk membela diri kerana pada masa tersebut pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes 'prima facie' terhadap perayu;

(b) Tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila gagal memutuskan bahawa tindakan-tindakan pegawai SPRM khususnya melalui SP1, SP7 dan lain-lain pegawai telah mendorong dan mempengaruhi perayu untuk melakukan satu kesalahan yang bertentangan dengan undang-undang iaitu penerimaan rasuah atas alasan berikut:

(i) Tuan hakim mahkamah sesyen sepatutnya menolak kesemua bukti dan keterangan melibatkan lima paspot warganegara Bangladesh tersebut;

(ii) lima paspot tersebut telah diperolehi secara salah dan bertentangan dengan undang-undang sehingga boleh ditolak sama sekali menyebabkan dakwaan terhadap perayu tidak dapat dibuktikan; dan

(iii) tindakan-tindakan pagawai SPRM tersebut adalah bertentangan dengan mana-mana Akta Parlimen dan ditakrif sebagai perangkap haram (*'illegal trap'*) dan mesti ditolak berdasarkan dengan polisi awam semata-mata;

(c) Tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila memutuskan bahawa perayu telah menerima wang suapan atas alasan berikut:

(i) wang suapan yang didakwa tidak pernah diberikan oleh SP7 kepada perayu. Perkara ini telah disahkan oleh saksi SD3 yang berada di dalam kenderaan pada masa berkenaan;

(ii) Tuan hakim mahkamah sesyen juga gagal menyangkal keterangan SD3 melibatkan pembayaran wang rasuah yang didakwa; dan

(iii) wang rasuah yang didakwa diberi juga gagal diperolehi oleh pegawai-pegawai SPRM sehingga membuat pendakwaan tidak dapat dibuktikan satu inti pati tuduhan;

(d) Tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila memutuskan bahawa adalah tidak perlu untuk perayu mengendors atau melanjutkan visa atau paspot lima warganegara Bangladesh yang telah tamat tempoh bagi menyabitkan kesalahan kerana:

(i) hakikatnya pengendorsan lima pasport warganegara Bangladesh bagi menyokong tuduhan tidak wujud dan tidak dapat dibuktikan;

(e) Tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila tidak mengambil kira pembelaan perayu melibatkan pemutihan atau penghantaran pulang

warganegara asing yang telah menetap di Malaysia lebih waktu khususnya melalui keterangan saksi SD2;

(f) Tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila tidak memutuskan bahawa lima paspot warganegara Bangladesh sebenarnya telah disimpan dan dikemukakan oleh SD3 semasa serbuan oleh pegawai-pegawai SPRM dahulu. SD3 yang telah menunjukkan di mana paspot disimpan dan bukannya perayu;

(g) Tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila tidak memutuskan bahawa lima paspot warganegara Bangladesh disimpan oleh SD3 bagi tujuan pemutihan kerana SD3 bertindak sebagai agen pemutihan pada masa berkenaan;

(h) Tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila tidak memutuskan bahawa SP7 seorang 'accomplice' dan saksi-saksi SPRM yang lain bukan saksi bebas dan mempunyai kepentingan;

(i) Tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila tidak memutuskan bahawa keterangan SP7 dan lain-lain pegawai SPRM tidak boleh dianggap menyokong di antara satu sama lain. Keterangan mereka khususnya SP7 tidak disokong oleh mana-mana keterangan bebas melibatkan fakta material atau *ingredient* utama asas tuduhan. SP7 tidak boleh dipercayai terutamanya berkaitan dengan pemberian wang rasuah. Laporan polis yang dibuat oleh SP7 ('eksh P10') meragukan dan tidak mungkin benar;

(j) Tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila tidak memutuskan bahawa rakaman tape tidak jelas dan dibuat tanpa pengetahuan perayu. Rakaman tersebut juga tidak boleh diterima masuk kerana ia adalah sebahagian daripada bukti perangkap haram ('*illegal trap*'). 'Prejudicial value' melebihi 'probative value' berkaitan dengan penerimaan masuk tape-tape tersebut;

(k) Tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila tidak memutuskan bahawa perayu telah diprejudiskan oleh penerimaan masuk paspot Czech semasa perbicaraan dahulu yang tidak ada kena mengena dengan tuduhan;

(l) Tuan hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila tidak memutuskan bahawa perayu berjaya menimbulkan keraguan terhadap tuduhan;

(m) Tuan hakim mahkamah sesyen gagal memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap pembelaan perayu; dan

(n) hukuman yang dikenakan ke atas perayu adalah keterlaluan dan sangat berat.

ALASAN-ALASAN DI ATAS AKAN DIBINCANGKAN SEPERTI DI BAWAH BERIKUT

A: Alasan pertama

(Kes prima facie gagal dibuktikan)

[7] Bagi kes di bawah s 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM) pihak pendakwaan perlu membuktikan inti pati kesalahan iaitu:

Elemen pertama

[8] Pada masa suapan tersebut diperolehi perayu adalah merupakan seorang ejen Kerajaan Malaysia iaitu pegawai imigresen Gred KP17:

(a) mengikut peruntukan s 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 maka 'agent' ditakrifkan sebagai mana-mana orang termasuklah 'pegawai badan awam';

(b) berdasarkan pertuduhan perayu dikatakan seorang pegawai imigresen Gred KP17 yang bertugas di Jabatan Imigresen Malaysia, Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru, Johor;

(c) elemen ini dibuktikan oleh Salmah bt Osman ('SP3') merupakan Ketua Pembantu Tadbir, Pejabat Imigresen Bangunan Sultan Iskandar, Jabatan Imigresen Malaysia di Johor Bahru, Johor melalui butir-butir dan perakuan jawatan perayu ('P15') serta buku perkhidmatannya ('P16'); dan

(d) perkara yang sama di atas telah juga disentuh oleh Tuan hakim mahkamah sesyen di dalam alasan penghakimannya di ms 40 perenggan 39 dalam rekod rayuan.

Elemen kedua

[9] Perayu secara rasuah memperolehi untuk dirinya RM2,000 dari Mohd Fauzi bin Maslan ('SP7'):

(a) ini dibuktikan oleh SP7 yang telah bertindak sebagai 'undercover officer' menyamar sebagai Ajman. SP7 telah menghubungi perayu melalui telefon dan meminta bantuan perayu untuk memperbaharui lima paspot Bangladesh yang telah tamat tempoh visa dan paspot;

(b) menurut SP7 lagi pada 20 November 2009 jam lebih kurang 3 petang

beliau telah bertemu dengan perayu di sebuah gerai di Medan Selera Tepian Tebrau, Johor Bahru. Perayu bertanya sama ada SP7 ada membawa paspot atau tidak. SP7 telah menyerahkan lima paspot Bangladesh (P5, P6, P7, P8 dan P9) kepada perayu. SP7 memberitahu perayu bahawa lima orang Bangladesh tersebut ingin balik ke negara asal dan kalau boleh sebelum Hari Raya Haji. Setelah perayu bersetuju untuk memperbaharui lima paspot Bangladesh di mana empat paspot tersebut visa telah pun tamat dan satu lagi paspot tempoh sah lakunya pula dah juga tamat maka SP7 telah diajak masuk ke dalam kereta perayu iaitu Proton Waja, nombor pendaftaran WKK 7168. Lalu kereta itu bergerak dan berhenti di hadapan sebuah surau di Kampung Tambatan. Di situ SP7 telah menyerahkan wang perangkap sebanyak RM2,000 (eksh P4) kepada perayu. Perayu telah mengira wang tersebut dan memberitahu kepada SP7 bahawa duit tersebut sebanyak RM2,000 sahaja;

(c) perayu menyatakan paspot akan siap dalam tempoh 2–3 hari. Menurut SP7 lagi perayu menyatakan bayaran untuk satu paspot adalah RM1,000 jadi untuk lima paspot perayu meminta sebanyak RM5,000. Setelah SP7 menyatakan beliau hanya ada RM2,000 maka perayu menegaskan bayar separuh dahulu dan separuh lagi dibayar selepas semua paspot siap;

(d) selepas penyerahan itu perayu telah menghantar semula SP7 ke Medan Selera, Tepian Tebrau;

(e) keterangan SP7 ini disokong oleh bukti-bukti berkecuali dan nas undang-undang seperti berikut:

(i) borang aduan SP7 No A009726 (P10);

(ii) Irawan bin Khir ('SP1') iaitu Pegawai SPRM di Ibu Pejabat Putrajaya telah dimaklumkan oleh SP7 tentang penyerahan wang perangkap RM2,000 kepada perayu di dalam kereta perayu sebaik sahaja perayu menurunkan SP7 di Medan Selera, Tepian Tebrau (rujuk keterangan SP1 di ms 62–64 dalam rekod rayuan);

(iii) lima paspot Bangladesh iaitu P5 hingga P9 yang diserahkan oleh SP7 kepada perayu semasa SP7 menyerahkan wang tunai RM2,000 kepada perayu telah ditemui di rumah perayu pada 1 Disember 2009. Perayu yang telah menunjukkan tempat di mana lima paspot tersebut disorokkan kepada pegawai SPRM iaitu SP1 (rujuk keterangan SP1 di ms 70 dalam rekod rayuan);

(iv) senarai wang bertanda (eksh P3) yang telah diserahkan oleh SP7 kepada perayu;

(v) salinan fotostat wang RM50 sebanyak RM2,000 (eksh P4) yang telah diserahkan oleh SP7 kepada perayu;

(vi) rakaman percakapan antara SP7 dan perayu (eksh P23) yang membuktikan perayu telah menerima wang perangkap RM2,000 daripada SP7; dan

(vii) nas undang-undang dalam kes *Yassin bin Bachik lwn Pendakwa Raya* [1994] MLJU 134; [1994] 4 CLJ 629 yang menyatakan undang-undang tidak memerlukan wang suapan mesti dijumpai dengan seorang tertuduh dan memadailah dibuktikan seorang tertuduh itu telah menerima suapan;

(f) perkara yang sama di atas telah juga disentuh oleh Tuan hakim mahkamah sesyen di dalam alasan penghakiman di ms 14 perenggan 14 hingga ms 18 perenggan 13 dalam rekod rayuan.

Elemen ketiga

[10] Apabila kedua-dua elemen di atas telah berjaya dibuktikan maka elemen ketiga iaitu anggapan di bawah s 50(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 terpakai bahawa perayu hendaklah dianggap telah memperolehi untuk dirinya sendiri satu suapan secara rasuah sebagai dorongan bagi perkara yang dinyatakan di dalam pertuduhan iaitu kononnya untuk memperbaharui pas lawatan *social* tanpa kehadiran pemilik lima naskah paspot P5 hingga P9.

[11] Prinsip anggapan ini diguna pakai oleh Mahkamah Agong di dalam kes *Thavanathan a/l Balasubramaniam v Public Prosecutor* [1997] 2 MLJ 401 seperti mana diputuskan di bawah berikut:

> … once it was proved that the money RM15,000 had been given or received by the accussed the presumption had been given and received corruptly as inducement or reward to acquit and discharge PW2 of the offence in the criminal case, and it was for the accussed to give an innocent explanation which the court considered more likely than not that it was true ie on balance of probabilities, the best applied in civil proceedings: *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 (PC).

[12] Jadi oleh kerana kedua-dua elemen pertama dan elemen kedua di dalam pertuduhan telah dibuktikan maka peruntukan anggapan di bawah s 50(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 adalah terpakai terhadap perayu. Pernyataan ini juga telah diguna pakai oleh Tuan hakim mahkamah sesyen di dalam alasan penghakiman beliau di ms 40 perenggan 41 dalam rekod rayuan.

[13] Sungguhpun begitu, tanpa anggapan di bawah s 50(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 pun, pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen ketiga berdasarkan keterangan seperti berikut:

(a) keterangan SP7 yang menyatakan beliau ada meminta tolong perayu untuk memperbaharui paspot warga Bangladesh melalui perbualan telefon pada 20 November 2011 dan perayu kata boleh membuatnya tetapi tidak mahu bercakap lebih lanjut kerana merbahaya. Di sebaliknya perayu minta SP7 datang berjumpa beliau di Medan Selera Tepian Tebrau (rujuk ms 164–165 rekod rayuan);

(b) semasa berada di sebuah gerai di Medan Selera Tepian Tebrau tersebut, SP7 bertanya kepada perayu, betul ke perayu boleh tolong memperbaharui paspot sebab kalau beliau tidak boleh SP7 akan cari orang lain. Perayu menyatakan boleh tetapi memaklumkan kerja ini bahaya (rujuk ms 170 rekod rayuan);

(c) keterangan SP7 bahawasanya perayu ada bertanya sama ada beliau membawa paspot. SP7 telah menyerahkan lima paspot Bangladesh kepada perayu. SP7 ada memberitahu lima orang Bangladesh tersebut ingin balik ke negara asalnya tapi visa telah tamat tempoh dan satu paspot telah luput (rujuk ms 171–172 rekod rayuan);

(d) perayu telah menyemak paspot P5 hingga P9 dan menyatakan dia boleh cuci paspot tersebut dan buatkan lima paspot tersebut seperti baru keluar masuk Malaysia. Perayu seterusnya bertanya mahu keluar ikut mana dan mahu jadikan warganegara mana (rujuk ms 173 rekod rayuan); dan

(e) apabila SP7 tanya berapa bayarannya maka perayu menyatakan untuk satu paspot bayarannya adalah RM1,000 jadi untuk lima paspot jumlahnya adalah RM5,000. Perayu bersetuju menerima bayaran RM2,000 sebagai bayaran separuh dan jumlah baki RM3,000 dibayar selepas paspot siap (rujuk ms 173–174 rekod rayuan).

[14] Jadi pada keseluruhannya mahkamah akur sama ada pendakwaan bergantung pada peruntukan anggapan di bawah s 50(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 ataupun keterangan langsung maka apa yang jelas terdapatnya bukti-bukti yang kredibel menunjukkan elemen yang ketiga ini.

[15] Oleh yang demikian mahkamah ini memutuskan Tuan hakim mahkamah sesyen adalah betul bila menyatakan di akhir kes pendakwaan satu kes prima facie berjaya dibuktikan seperti mana di ms 18 perenggan 14 dalam rekod rayuan.

B: Alasan kedua

(Tindakan-tindakan pegawai SPRM telah mendorong dan mempengaruhi perayu untuk melakukan satu kesalahan yang bertentangan dengan undang-undang)

[16] Mahkamah akur dengan alasan Tuan hakim mahkamah sesyen seperti mana di ms 21–28 rekod rayuan berkenaan isu ini berdasarkan alasan berikut:

(a) tiada sebarang peruntukan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 yang melarang operasi 'undercover' yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) seperti mana dilakukan oleh SP7 dalam kes ini;

(b) isu perangkap haram ('illegitimate trap') yang dikaitkan dengan operasi 'undercover' yang dijalankan oleh pegawai-pegawai SPRM seperti mana dibangkitkan oleh peguambela perayu dengan merujuk kepada teks 'Commentaries on the Prevention of Corruption Act 1947' telah diulas dan dijawab pun oleh Mahkamah Persekutuan dalam Kes *Wan Mohd Azman bin Hassan @ Wan Ali v Public Prosecutor* [2010] 4 MLJ 141 di ms 151–153; [2010] 4 CLJ 529 di ms 541–544; dan

(c) s 52(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 memperuntukkan bahawa seseorang saksi yang terlibat dalam sesuatu kesalahan (ejen provokasi) di bawah Akta tidak boleh dikategorikan sebagai seorang rakan sejenayah dan dalam kes *Raman a/l Mariappen v Public Prosecutor* [2008] MLJU 964; [2011] 1 CLJ 739 telah diputuskan bahawa saksi begitu bukannya 'unworthy of credit' dan keterangan mereka ini tidak diperlukan apa-apa sokongan.

C: Alasan ketiga

(Perayu tidak menerima wang suapan dari pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga gagal memperolehi wang tersebut)

[17] Di ms 200–204 rekod rayuan keterangan SP7 jelas membuktikan beliau telah menyerahkan wang perangkap RM2,000 kepada perayu di dalam keretanya di hadapan Surau Kampung Tambatan.

[18] Mengenai wang perangkap RM2,000 tidak dijumpai pada badan

perayu, undang-undang adalah jelas mengenai perkara tersebut sebagaimana diputuskan dalam kes *Yassin bin Bachik lwn Pendakwa Raya* [1994] MLJU 134; [1994] 4 CLJ 629 yang dipetik seperti berikut:

> Undang-undang tidak memerlukan wang suapan mesti dijumpai dengan seorang tertuduh. Apa yang perlu dibuktikan ialah sama ada tertuduh telah menerima suapan.

[19] Berhubung keterangan SD3 adalah jelas ianya tidak boleh dipercayai kerana faktor-faktor berikut:

(a) SD3 adalah saksi berkepentingan iaitu beliau adalah adik kepada perayu;

(b) keterangan SD3 bertentangan dengan keterangan SP7 yang mana telah pun dipercayai dan diterima oleh Tuan hakim mahkamah sesyen;

(c) semasa SP7 disoal balas pihak pembelaan telah mencadangkan bahawa wang RM2,000 telah diserahkan oleh SP7 kepada SD3 di dalam kereta perayu. Namun dalam keterangan SD3 ianya bertentangan dengan cadangan yang dibuat sendiri oleh pihak pembelaan; dan

(d) di dalam transkrip perbualan antara SP7 dan perayu iaitu P23 jelas berlaku perbualan yang mana perayu telah menerima dan mengira wang sebanyak RM2,000 yang beliau terima daripada SP7.

[20] Semua isu di atas telah juga diperjelaskan dengan lebih lanjut oleh Tuan hakim mahkamah sesyen di dalam alasan penghakimannya di ms 28–33 dalam rekod rayuan.

D: Alasan keempat

(Perayu tidak endor atau lanjut visa lima paspot warganegara Bangladesh)

[21] Mengikut s 19 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 tidak perlu pihak pendakwaan membuktikan bahawa perayu telah sebenarnya membuat 'endorsement' pada paspot atau melanjutkan tempoh visa untuk lima warganegara Bangladesh.

[22] Ini juga telah disentuh oleh Tuan hakim mahkamah sesyen dalam alasan penghakimannya di ms 37 perenggan 35 rekod rayuan.

E: Alasan kelima

(Pembelaan perayu melibatkan pemutihan atau penghantaran pulang warganegara asing yang telah menetap di Malaysia lebih waktu)

[23] Mahkamah akur dengan alasan penghakiman mengenai isu ini yang

diberikan oleh Tuan hakim mahkamah sesyen seperti mana di ms 37–39 dan ms 43–46 dalam rekod rayuan dan ianya adalah seperti berikut:

(a) tiada keterangan daripada SP7 menunjukkan perayu meminta SP7 mengikuti program pemutihan;

(b) keterangan cuma menunjukkan perayu bersetuju untuk memperbaharui sahlaku lima paspot berkenaan tanpa kehadiran pemiliknya di mana wang RM2,000 telah diterima oleh perayu daripada SP7 sebagai sebahagian bayaran sebanyak RM5,000;

(c) semasa kes pendakwaan perayu mencadangkan kepada SP7 bahawa perayu telah menerima RM2,000 bagi tujuan membantu SP7 melalui proses pemutihan tetapi di peringkat pembelaan beliau menukar pendiriannya dengan menafikan ada menerima wang RM2,000 tersebut dan sebaliknya menyatakan SD3 pula yang akan membantu SP7 dalam proses pemutihan. Kes *Shaiful Idzam bin Sulaiman v Public Prosecutor* [2004] 2 CLJ 121 di mana Mahkamah Rayuan memutuskan berikut:

> Where the accussed in his attempt to rebut the presumption takes several stands, the very multiplicity of the stands destroy the bona fide of them and they become in adequate to rebut the preseumption.

(d) pembelaan perayu juga merupakan satu rekaan dan bersifat 'afterthought' kerana pihak pembelaan tidak pernah mencadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan khususnya SP7 dan SP8 bahawa perayu dan SD3 tidak pernah menerima wang sebanyak RM2,000 tersebut daripada SP7 dan bahawa SD3 yang akan membantu SP7 melalui proses pemutihan.

F: Alasan keenam dan ketujuh

(Paspot disimpan oleh SD3 dan bukannya perayu)

[24] Keterangan menunjukkan disebaliknya seperti di bawah berikut:

(a) keterangan SP7 jelas menunjukkan beliau yang menyerahkan kelima-lima paspot warganegara Bangladesh itu kepada perayu; dan

(b) disokong oleh keterangan SP1 yang membuktikan lima pasport tersebut dijumpai di rumah perayu susulan daripada tindakan perayu sendiri yang membawa pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke tempat paspot itu disembunyikan.

[25] Faktor yang sama juga telah disentuh oleh Tuan hakim mahkamah

sesyen di dalam alasan penghakimannya di ms 17 perenggan 12 dan bersambung di ms 18 dalam rekod rayuan.

[26] Mahkamah akur dengan penghujahan pihak responden bahawa sama ada paspot-paspot tersebut disimpan oleh SD3 atau perayu adalah tidak penting kerana yang perlu ditumpukan di sini ialah wang RM2,000 telah diterima oleh perayu.

G: Alasan kelapan dan kesembilan

(SP7 dan lain-lain pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah 'accomplice' dan keterangan mereka tidak disokong oleh mana-mana keterangan bebas. Laporan (P10) yang dibuat oleh SP7 dikatakan meragukan dan tidak mungkin benar)

[27] Berhubung dengan isu SP7 dan lain-lain pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dikatakan 'accomplice' dan juga keterangan mereka tidak disokong oleh mana-mana keterangan bebas maka memadailah di sini mahkamah merujuk kembali kepada penjelasan yang telah dihuraikan di alasan kedua di mana telah jelas menjawab kesemua kemusykilan yang dibangkitkan oleh peguambela.

[28] Secara ringkasnya alasan-alasan rayuan pembelaan tersebut adalah dipertikaikan berasaskan nas undang-undang berikut:

(a) semua keterangan saksi pendakwaan tidak *inherently improbable* seperti mana yang diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Mohamed Ali* [1962] MLJ 257 di petikan seperti di bawah ini:

> in the absence of contradiction, and in the absence of any element of inherently improbability, the evidence of any witness, whether a police witness or not, who gives evidence on affirmation, should normally be accepted.

(b) s 114(e) Akta Keterangan 1950 memperuntukkan bahawa mahkamah menganggap 'judicial and official acts have been regularly performed'. Maka oleh itu mahkamah menerima keterangan seorang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah dilaksanakan dengan mengikut peraturan;

(c) s 134 Akta Keterangan 1950 pula menyatakan tiada keperluan berapa orang saksi diperlukan untuk membuktikan sesuatu perkara; dan

(d) s 52 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009

memperuntukkan peranan yang dimainkan oleh SP7 dan lain-lain pegawai SPRM hendaklah diterima sebagai keterangan dan mereka juga bukannya rakan sejenayah.

[29] Merujuk kepada laporan (P10) yang dibuat oleh SP7 kononnya di katakan oleh peguambela perayu ianya dibuat di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya pada 20 November 2008 adalah mengelirukan teramat sangat kerana berdasarkan keterangan SP7 sendiri di ms 198 perenggan 15 dalam rekod rayuan beliau menyatakan dalam tempoh 19–24 November 2009 tidak pernah keluar dari Johor Bahru. Jadi dalam hal itu mahkamah ini merumuskan penghujahan perayu adalah meleset dan lari jauh dari kenyataan yang sebenar.

H: Alasan kesepuluh

(Rakaman tape dibuat tanpa pengetahuan perayu dan ianya juga adalah sebahagian daripada bukti perangkap haram ('illegal trap'). Jadi ianya tidak boleh diterima masuk kerana asasnya 'prejudicial value' melebihi 'probative value')

[30] Alasan perayu amat tidak munasabah jika sesuatu yang mahu dirakam mesti mendapat sokongan kebenaran daripada perayu terlebih dahulu. Jika begini kehendak undang-undang maka benarlah tidak akan ada satu rakaman pun boleh dikemukakan kerana perayu sudah tahu beliau sedang diintip. Kalau ini berlaku ianya bukan lagi intipan tapi sebaliknya lakonan semata-mata.

[31] Berhubung dengan dakwaan perayu yang rakaman tape ini adalah sebahagian daripada bukti perangkap haram ('illegal trap') maka mahkamah merujuk kepada keputusan dalam kes *Public Prosecutor v Gan Ah Bee* [1975] 2 MLJ 106; [1975] 1 LNS 128 dipetik seperti berikut:

> The test to be applied in considering whether evidence is admissible is whether it is relevant to the matters in issue. If it is, it is admissible and the court is not concerned with how the evidence was obtained.

[32] Berkait penghujahan perayu kononnya rakaman tape itu mempunyai 'prejudicial value' melebihi 'probative value' adalah mahkamah ini merumuskan ianya tidak bermerit kerana peruntukan s 52 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 ada secara jelasnya membenarkan 'any statement, whether oral or written, made to an agent provocateur by such person shall be admissible as evidence at his trial'.

[33] Mahkamah ini mendapati Tuan hakim mahkamah sesyen di dalam alasan penghakimannya di ms 33–37 dalam rekod rayuan telah pun mengkaji, meneliti dan menghalusi isu-isu yang sama ini dengan panjang lebar sekali dan amat menyakinkan.

I: Alasan kesebelas

(Perayu telah diperjudiskan oleh penerimaan masuk paspot Czech semasa perbicaraan dahulu yang tidak ada kena mengena dengan tuduhan)

[34] Mahkamah ini dapati Tuan hakim mahkamah sesyen langsung tidak menyentuh isu ini di dalam alasan penghakimannya untuk mensabitkan dan menghukum perayu kerana melakukan kesalahan kes ini. Jadi ini bukanlah isu yang sepatutnya dibangkitkan oleh perayu dalam petisyen rayuan. Jadi dalam keadaan sedemikian mana mungkin dikatakan kemasukan paspot Czech ini telah memprejudiskan perayu. Pada mahkamah kemasukan paspot Czech tersebut semata-mata atas dasar ianya diperolehi daripada perayu dalam kes ini dan tidak lebih daripada itu.

[35] Secara keseluruhannya mahkamah mendapati penjelasan perayu, SD2 dan SD3 gagal mematahkan atau menyangkal anggapan di bawah s 50(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 dan sekali gus gagal mendatangkan keraguan yang munasabah kepada keseluruhan kes pendakwaan. Mahkamah akur dengan alasan dan keputusan Tuan hakim mahkamah sesyen dalam kes ini.

[36] Akhir sekali mahkamah ini memutuskan Tuan hakim mahkamah sesyen tidak khilaf dalam menjatuhkan hukuman penjara dua tahun serta denda RM10,000 kalau tidak bayar 12 bulan penjara bagi pertuduhan kerana kesalahan di bawah s 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah s 24 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 kerana di dalam alasan penghakiman di ms 46–47 dalam rekod rayuan telah pun mengambil kira keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh perayu dan faktor mitigasi kesalahan perayu. Oleh itu mahkamah percaya hukuman ini tidaklah 'excessive' dan ianya merupakan hukuman yang seimbang dan setimpal.

[37] Dengan itu mahkamah memutuskan rayuan perayu ini ditolak dan sabitan serta hukuman Tuan hakim mahkamah sesyen perbicaraan dikekalkan.

Rayuan ditolak dan sabitan dan hukuman mahkamah bawahan dikekalkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor